From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: GERBANG ILMU DIBUKA: SBM MENYAMBUT GENERASI PASCASISWAZAH BAHARU
Date: Tuesday, 22 September, 2026 3:20:40 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

22 SEPTEMBER 2026 / 10 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Pengerusi Program Pascasiswazah, SBM

GERBANG ILMU DIBUKA: SBM MENYAMBUT GENERASI PASCASISWAZAH BAHARU



UUM ONLINE: Sintok, 20 September 2026 – Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia (UUM) amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu yang telah mendaftar bagi mengikuti program pengajian di peringkat pascasiswazah.

Pendaftaran telah menghimpunkan sebahagian pelajar baharu bagi mengikuti beberapa program pascasiswazah yang ditawarkan oleh SBM iaitu *Master of Science (Management), Master of Science (Occupational Safety and Health Management), Master of Human Resource Management* serta *Doctor of Philosophy (PhD).*

Seiring dengan proses pendaftaran, satu sesi taklimat khas kepada pelajar baharu pascasiswazah turut diadakan bagi memberikan gambaran awal berkaitan pengajian yang bakal ditempuhi.

Taklimat ini bertujuan memastikan para pelajar memahami dengan lebih jelas struktur program, kursus yang perlu diambil serta pelan pembelajaran sepanjang tempoh pengajian.

Pendedahan awal ini penting bagi membantu pelajar merancang perjalanan akademik dengan lebih sistematik, khususnya dalam menguruskan pendaftaran kursus, jadual pembelajaran, keperluan program serta perancangan penyelidikan bagi pelajar yang berkaitan.



Menurut salah seorang pelajar baharu yang hadir, “Pendedahan awal kepada semua kursus dalam program ini dapat membantu pelajar dalam menguruskan jadual pembelajaran dengan lebih sistematik dan teratur.”

Sesi taklimat ini turut menjadi platform untuk pelajar baharu mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai persekitaran pembelajaran di Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan serta membina keyakinan dalam memulakan perjalanan akademik mereka di UUM. Taklimat ini telah dilaksanakan oleh tiga pengerusi program pascasiswazah dari SBM iaitu Prof. Madya Dr. Kadzrina Abdul Kadir, Ts. Dr. Khairul Hafezad Abdullah, dan Dr. Siti Noorjannah Abd Halim.

Dalam kesempatan ini, pihak Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak The Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) atas kerjasama, sokongan dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan proses pendaftaran serta pengurusan pelajar pascasiswazah.





Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan mengucapkan selamat datang serta selamat maju jaya kepada sebahagian pelajar baharu yang telah berjaya mendaftar pada hari ini.
Semoga kehadiran para pelajar baharu ini akan menyemarakkan lagi komuniti akademik Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan dan seterusnya mencapai kecemerlangan dalam pengajian masing-masing.

Selamat datang ke Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, UUM dan selamat memulakan perjalanan akademik yang bermakna!

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.